

**Rakyat Perlu Berjihad Hijrah Minda - Raja Muda Perlis
Bernama
30 Ogos, 2012**

KANGAR, 30 Ogos (Bernama) -- Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu rakyat berjihad melakukan hijrah minda selain bijak menghadapi cabaran hidup.

Baginda bertitah tiada jalan pintas untuk merintis kejayaan sekali gus memerlukan pengorbanan dan inisiatif bagi merebut peluang yang ada.

"Setiap individu juga perlu mencipta sendiri peluang untuk mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik melalui jalan-jalan yang halal," titah baginda ketika melancarkan program Titian Kasih Khas Merdeka Raya Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) sempena sambutan Kemerdekaan ke-55, di Rumah Kanak-kanak Arau di sini Khamis.

Pelbagai acara termasuk ceramah motivasi dan sambutan hari raya anjuran syarikat pembekal pakaian, OZ Homme Sdn Bhd turut diadakan sempena program bermula sejak pagi.

Sumbangan duit raya turut diberikan kepada 178 penghuni rumah perlindungan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691054>